

Kumpul bantuan makanan di Kajang



Saifuddin (dua dari kanan) dan Pengurus Nestle Malaysia, Tan Sri Anwar Jamalullail (dua dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen persefahaman antara Ab Wahab (tiga dari kanan) serta Juan (tiga dari kiri) pada Majlis Menandatangani MoU di Putrajaya semalam.

Pusat pengedaran diwujudkan di Kajang sebelum diedarkan ke lokasi yang memerlukan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mewujudkan pusat pengedaran di Kajang, Selangor sebagai lokasi pengumpulan bantuan makanan sebelum diedarkan ke lokasi yang memerlukan.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pusat tersebut yang dijangka beroperasi bulan depan itu sedang dalam proses akhir untuk disiapkan

dan ia secara tidak langsung membantu menambahbaik program *Food Bank*.

“Pusat ini diwujudkan untuk memastikan proses pengagihan bekalan ke lokasi yang ditentukan berjalan lancar.

“Dari segi logistik seperti trak penyeluk pun kita sudah ada. Secara keseluruhan, kita ada sebanyak 13 trak penyeluk,” katanya pada sidang akbar selepas menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Yayasan Food Bank Malaysia dan Nestle (Malaysia) Berhad di pejabatnya di sini semalam.

Yayasan Food Bank Malaysia diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Ab Wahab Long, manakala Juan Aranols selaku Ketua Pegawai Eksekutif Nestle Malaysia Bhd mewakili syarikat berkenaan.

Saifuddin berkata, kewujudan pusat itu penting bagi memastikan agihan bantuan makanan lebih tersusun sebelum diedarkan ke lokasi yang memerlukan.